

Hasil kutipan kastam 2021 lepassi sasaran RM40 bilion

RM42.5b diperoleh serlah kegigihan penguatkuasaan meskipun hadapi cabaran wabak

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Petaling Jaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengutip hasil berjumlah RM42.50 bilion sepanjang tahun lalu, melepasi sasaran awal RM40 bilion yang ditetapkan Kementerian Kewangan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, kejayaan kutipan hasil sepanjang 2021 itu, menyerlahkan keunggulan sektor Penguatkuasaan JKDM.

"Dalam masa sama, JKDM berjaya menumpaskan kartel perdagangan dadah antarabangsa dengan rampasan dadah seberat 16

tan bernilai RM5.2 bilion.

"Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih saya zahirkan kepada seluruh pegawai dan anggota JKDM atas kejayaan cemerlang yang diraih, walaupun kita masih berdepan ketidaktentuan global, khasnya ancaman pandemik COVID-19 dan bencana alam," katanya ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-40 di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Mohd Shahar Abdullah dan Timbalan Menteri Kewangan II, Yamani Hafez Musa.

Perdana Menteri berkata, prestasi cemerlang JKDM membolehkannya bergerak memacu pertumbuhan berkualiti dan positif bagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ke arah menyuburkan kemakmuran Keluarga Malaysia.

Katanya, untuk tahun ini JKDM diharap dapat meningkatkan sasaran pengutipan hasil.



Ismail Sabri memeriksa barisan ketika hadir pada Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-40 di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

"Ini dapat dihasilkan dengan usaha gigih seluruh warga JKDM dengan kerjasama daripada semua pihak khususnya orang awam," katanya.

Dalam ucapan sama, Ismail Sabri berkata, sebagai jabatan yang dinamik dan mampan, JKDM perlu memastikan segenap warga kastam celik digital.

Katanya, pada masa yang sama JKDM perlu sentiasa bersedia untuk mengadaptasi transformasi teknologi semasa dalam membina serta membudayakan ekosistem data.

"Anjakan ini selaras dengan aspirasi Jalanan Digital Negara (JENDELA) dan inisiatif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang dilaksanakan kerajaan bagi memacu

Malaysia sebagai peneraju sektor ekonomi digital yang cekap dan proaktif.

"Hasrat menggerakkan transformasi digital dalam perkhidmatan awam ini juga bukan suatu perkara baharu yang asing, malah digariskan dengan jelas dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025," katanya.

Ismail Sabri menegaskan, pendigitalan juga termaktub dalam Tujuh Teras Strategik Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) serta Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Saya percaya suntikan transformasi digital melalui pemerkasaan budaya dan ekosistem data dalam urusan perkhidmatan dan operasi JKDM mampu mem-

perkasa prestasi jabatan ini.

"Ini sekali gus mencorak Malaysia sebagai sebuah negara maju yang kompetitif dan berdaya saing," katanya.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan sentiasa berusaha membantu JKDM untuk terus fokus dalam membanteras penyeludupan dan memudahcara perdagangan bagi meningkatkan pengutipan hasil dan memantapkan lagi kawalan sempadan negara.

"Komitmen ini terbukti melalui penambahan bot peronda dan mesin pengimbas sebagai aset baharu JKDM bagi memantapkan kedaulatan perbatasan serta berupaya melancarkan aktiviti perdagangan rentas sempadan," katanya.